

# Makro Structure of the Dialogue of the Qur'an From the Aspect of the Fitrah and Humanity

## Struktur Makro Dialog Al-Qur'an Dari Aspek Fitrah Kejadian Manusia

Mohd Abdul Nasir Abd Latif\*, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi

*Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900, Tg. Malim, Perak, Malaysia*

\*Corresponding author: muhd.nasir@fsk.upsi.edu.my

**Article history:** Received: 3 May 2018 Received in revised form: 24 July 2018 Accepted: 20 August 2018 Published online: 28 November 2018

### Abstract

The Fitrah creation refers to the origin of the event and the initial condition of the human being. It is a system created by Allah in every creature to determine the type of human being created from the aspect of the body and reason. This research had been carried out to identify the macrostructure of *ayat a-Qur'an* throughout human creation aspect. This research is a descriptive analysis using qualitative approach through document analysis technique. The data of the research stands from the entire two-way dialog that had been located inside the Qur'an. The analysis shows that *ayat al-qur'an* from human creation aspect is divided by two aspects, it is the origin of the human and humanity the humanity essence is prideful, tends toward truthfulness, love their races, the bond of their family and the need to be with each other. This showed that every human that had been created has this main essence of humanity that need to be put in check so that every approach that will be used in every field of life would take notice of all of the main essence that had been said in this paragraph .

*Keywords:* Macro structure, thematic exegesis, quranic dialogue, humanities, human creation

### Abstrak

Fitrah kejadian merujuk kepada asal kejadian dan kondisi awal kejadian manusia. Ia merupakan suatu sistem yang diwujudkan oleh Allah pada setiap makhluk bagi menentukan jenis manusia yang diciptakan daripada aspek jasad dan akal. Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti struktur makro ayat-ayat dialog al-Qur'an dari aspek fitrah kejadian manusia tersebut. Kajian ini merupakan kajian deskriptif bagi tujuan menganalisis aspek makro fitrah kejadian manusia dalam ayat-ayat dialog al-Qur'an dengan menggunakan pendekatan kualitatif menerusi teknik analisis dokumen. Data kajian terdiri daripada semua dialog dua hala yang ada dalam al-Qur'an. Dapatan kajian menunjukkan ayat-ayat dialog al-Qur'an dari aspek fitrah kejadian manusia terbahagi kepada dua iaitu asal kejadian manusia dan sifat-sifat kemanusiaan. Sifat-sifat kemanusiaan adalah bermaruah, cenderung kepada kebenaran, cintakan keturunan, hubungan kekeluargaan dan kehidupan yang saling memerlukan. Dapatan ini menunjukkan bahawa manusia yang diciptakan mempunyai fitrah asas yang perlu diberikan perhatian agar setiap pendekatan yang digunakan dalam semua lapangan kehidupan dibina dengan mengambilkira sepenuhnya fitrah tersebut.

*Kata Kunci:* Struktur makro, tafsir tematik, dialog al-qur'an, kemanusiaan, kejadian manusia

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

## 1.0 PENDAHULUAN

Struktur makro merupakan makna global atau umum dari suatu teks yang dapat difahami dengan melihat topik dari suatu teks. Struktur ini menekankan tema utama dan topik-topik tertentu yang menjadi kandungan utama sebuah wacana. Tema wacana bukan hanya dilihat dari sisi isi, tetapi juga sisi tertentu dari suatu peristiwa. Ia merupakan tujuan utama sebuah wacana dibina. Dalam konteks al-Qur'an, sisi tema sesuatu ayat merujuk kepada fokus utama ayat tersebut apabila diturunkan.

Antara tema yang menjadi fokus utama ayat-ayat al-Qur'an adalah berkaitan fitrah kejadian manusia. Fitrah kejadian ini merujuk kepada asal kejadian dan kondisi awal kejadian manusia (Shihab, 2007). Perbincangan berkaitan frasa fitrah dalam al-Qur'an merujuk kepada surah al-Rum (30) : 30. Ia kemudiannya dihubungkan dengan hadis Nabi s.a.w yang menyatakan bahawa semua kelahiran itu diciptakan dalam keadaan fitrah. Maka kedua orang tuanyalah yang merubah fitrah tersebut (al-Bukhari, 1422H ; Muslim, 2013). Ibn. 'Ashur menyatakan fitrah merupakan suatu sistem yang Allah wujudkan pada setiap makhluk. Ia menentukan jenis manusia yang diciptakan daripada aspek jasad dan akal (Ibn. 'Asyur, 1984).

Perbincangan ini bertujuan untuk mengemukakan hasil analisis struktur global atau makna umum yang dapat disimpulkan berkaitan fitrah kejadian manusia menerusi ayat-ayat dialog al-Qur'an. Ia meliputi bentuk asal kejadian manusia dan sifat-sifat kemanusiaan yang mewarnai kejadian tersebut. Kedua-dua sisi ini merupakan tema utama bagi makna global ayat-ayat dialog dan ia merupakan asas utama dalam memahami hakikat makhluk ciptaan terbaik oleh Allah SWT. Firman Allah;

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ ٤

Maksudnya:

Seungguhnya Kami telah ciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baik kejadian. al-Tin (95) : 4.

## ■2.0 SOROTAN LITERATUR

Manusia dicipta daripada dua unsur utama iaitu jasmani dan rohani. Firman Allah dalam surah Al-Sajadah, ayat 7 hingga 9:

وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنْسَانِ مِنْ طِينٍ ٧ ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُ مِنْ سُلَالَةٍ مِّن مَّاءٍ مَّهِينٍ ٨ ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُّوحِنَا

Oleh itu, pemilikan sesuatu unsur sahaja tidak menjadikan kejadian jasad atau roh itu manusia. Kewujudan jasad tanpa roh dapat dilihat oleh manusia lain sebagai mayat kerana dia tidak lagi bernyawa. manakala jasad yang masih bernyawa dengan roh di dalamnya, tetapi roh itu sebenarnya telah mati lantaran tidak dipelihara kebajikan dan makan minumannya sehingga muncul manusia-manusia bersifat haiwan. Kewujudan roh tanpa jasad pula sememangnya tidak dinamakan manusia kerana makhluk yang tidak berjasad ini biasa dikenali sebagai jin, syaitan, malaikat atau arwah (roh orang-orang yang telah mati) (Qurrotul Aien, 2012)

Ciptaan manusia dibekalkan dengan fitrah kejadian yang tertentu. Menurut Kamus Dewan, fitrah merujuk kepada sifat semula jadi, bakat, pembawaan atau perasaan. Ia adalah tabiat semulajadi atau bakat manusia yang ditentukan oleh Tuhan. Menurut Hassan Langgulung, fitrah boleh dipandang dari dua sudut. Pertama fitrah sebagai sifat semulajadi manusia atau sifat Tuhan yg menjadikan potensi manusia sejak lahir. Kedua, wahyu Tuhan yg diturunkan kepada nabi-nabiNya yang dapat dianalogikan sebagai sekeping syiling mempunyai dua muka, iaitu sifat semulajadi manusia dari satu sisi dan wahyu dari sisi yang lain.

Perbincangan tentang fitrah kejadian manusia telah banyak dikemukakan seperti yang dibincangkan oleh al-Ghazali (2005) menerusi perbincangan berkaitan manusia dan hati dalam Ihya'Ulum al-Din, Siti Suwaibatul Aslamiyah (2014) yang menekankan tentang pandangan islam tentang proses kejadian manusia dan implikasinya terhadap pendidikan, Saryono (2016) yang menekankan tentang Konsep Fitrah dalam Perspektif Islam, Engku Zaki *et al.* (2017) berkaitan isu-isu genetik manusia dari perspektif sains & islam dan lain-lain penulisan. Namun begitu, penerokaan terhadap fitrah kejadian manusia yang ditekankan menerusi ayat-ayat dialog al-Qur'an tidak dibincangkan secara spesifik. Pengetahuan tentang fitrah kejadian yang menjadi tema tumpuan dalam ayat-ayat dialog wajar ditekankan. Ini kerana, ayat-ayat dialog merupakan satu bentuk gaya bahasa al-Qur'an . Ia adalah satu seni bagaimana wahyu diturunkan oleh Allah SWT. Wahyu bukanlah satu bentuk propaganda atau doktrin untuk menghasut dan memaksa manusia dengan idea-idea yang menyimpang daripada fitrah kejadian, tatasusila kemanusiaan dan kemuliaan insan. Bahkan ia bukan teori, bukan hasil renungan-renungan para bijaksana dan *failasuf*, bukan hasil renungan insan, bukan hasil ciptaan insan sebagaimana kebudayaan itu hasil usaha dan daya ciptanya dalam menghadapi sekeliling (al-Attas, 2001).

Bentuk fitrah ini perlu dicari kerana kita tidak akan dapat menyelesaikan permasalahan kemanusiaan dengan munasabah jika kita tidak dapat mendefinisikan manusia dengan munasabah, iaitu jika kita tidak tahu apa itu manusia. Jelas sekali masalah kemanusiaan terbit ataupun mestilah berkait dengan sesuatu yang dinamakan manusia, dan bukannya tercetus daripada perkara-perkara yang langsung tiada hubungannya dengan manusia. Malah sangat sukar untuk manusia memikirkan tentang sesuatu yang tidak ada kaitan dengan kemanusiaan kerana manusia, dia manusia, hanya boleh terfikir tentang perkara yang wujudnya mempunyai kaitan secara langsung maupun tidak langsung dengan manusia (Abdul Latif, 2005).

## ■3.0 METODOLOGI

Kajian ini berbentuk deskriptif. Kajian deskriptif memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada (Syed Arabi Aidid, 2002). Menerusi kajian ini, analisis berkaitan ayat-ayat dialog dalam al-Qur'an berdasarkan aras struktur makro (tematik) dijalankan. Pemilihan analisis bentuk ini jalankan agar ia bebas dari sebarang unsur penuangan falsafah kemanusiaan dalam ayat-ayat dialog yang dikemukakan. Ciri ini penting kerana data merupakan wahyu ilahi yang bebas daripada sebarang bentuk kepentingan kemanusiaan dan menerapkan nilai falsafah serta pemikiran yang dibina dan dihasilkan oleh pemikiran manusia.

Pengumpulan makna dengan berdasarkan kepada aras struktur makro merujuk kepada kaedah analisis berdasarkan Tema (Van Dijk, 1998). Perbincangan berkaitan tema-tema pemikiran, kemasyarakatan dan global berdasarkan sisi perbincangan ayat-ayat al-Qur'an diistilahkan sebagai *al-Tafsir al-Mawdu'i* dalam disiplin pengkajian ilmu tafsir. al-Kumi mendefinisikan *al-Tafsir al-Mawdu'i* sebagai menerangkan ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai tema yang sama walaupun berlainan ayatnya dan berselerak kedudukannya (dalam al-Qur'an) dengan mengenal pasti tema berkaitan sehingga seorang pentafsir itu boleh memahami seluruh bentuk ayat dan mengumpul semua ayat berkaitan. Sekiranya ia sukar dikenal pasti, rujukan kepada hadis-hadis yang berkaitan dilakukan bertujuan untuk menambah keterangan dan huraian (Ahmad al-Kumi *et al.*, 1982).


Pendekatan analisis dalam bentuk makro merupakan pendekatan kualitatif. Analisis yang dilakukan berdasarkan kaedah tafsir tematik yang dikemukakan oleh al-Atrash (al-Atrash, 2008). Menurut beliau *al-Tafsir al-Mawdu'i* sebagai suatu tafsir yang dilakukan berdasarkan langkah-langkah berikut;

- i. Pengumpulan ayat-ayat yang berselerakan kedudukannya
- ii. Melakukan pengolahan dengan cara yang tersusun.
- iii. Membentuk satu tema menerusi ayat-ayat dan pengolahan yang dilakukan.
- iv. Menyertakan keterangan makna secara umum yang membantu kesempurnaan tema perbincangan.

Analisis juga mengambil kira teknik analisis kandungan ketara (*manifest content*) dan analisis kandungan tidak ketara (*latent content*). Ini dilakukan menerusi rujukan kepada kitab-kitab tafsir yang berautoriti. Kedua-dua ini dilaksanakan agar ia mempunyai bukti kukuh bahawa dapatan kajian ini menepati ciri-ciri kesahan (Sabitha Merican, 2005).

#### 4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang dijalankan, fitrah kejadian manusia berdasarkan struktur makro dialog al-Qur'an adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 1:



Rajah 1- Fitrah kejadian manusia berdasarkan struktur makro dialog AL-Quran

#### Asal Kejadian Manusia

Berdasarkan dialog Nabi Musa AS dengan Firaun, semua manusia akan melewati tiga peringkat kehidupan iaitu peringkat penciptaan, peringkat kematian dan peringkat kebangkitan semula. Nabi Musa AS berkata, firman Allah;

﴿مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَىٰ ٥٥﴾

Maksudnya;

*Dari bumilah Kami ciptakan kamu, dan ke dalamnya Kami akan mengembalikan kamu, dan daripadanya pula Kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi.* Surah Taha (20) : 55

Pada peringkat penciptaan, Allah SWT mencipta manusia (Adam AS) secara terus dari bahan-bahan bumi iaitu dari tanah. Kemudian ditetapkan kepada mereka bumi sebagai tempat kediaman untuk mereka bangukan. Di bumi mereka membina kehidupan sementara, mereka diberikan kesenangan sehingga kepada suatu tempoh yang tertentu. Ini dijelaskan lagi menerusi dialog Nabi Saleh AS ketika baginda berkata kepada kaumnya. Firman Allah;

﴿قَالُوا يَا صَالِحُ أَقْنِمْ فِينَا مَرْجُوا قِيلَ هَذَا أَنْتُمْ هُنَا أُنزِلْنَا بِطِينٍ لَّئِي نَكْتُبُ فِيهَا أَسْمَاءَ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْيَوْمِ الْقَائِلِ ۚ وَنَجْعَلُ الْأَرْضَ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا مَتَاعًا وَجَزَاءً لِّئَلَّا يَتَذَكَّرَ الَّذِينَ نَسُوا ۚ وَإِن تَوَلَّوْا إِنَّا لَفِي شَكٍّ مِّمَّا تَدْعُونَنَا إِلَيْهِ مُرِيبٍ ٦٢﴾

Maksudnya;

*"Wahai kaumku! sembahlah Allah! sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya.* Surah Hud (11) :62.

Penggunaan frasa *ansha'a* dalam dialog ini menunjukkan bahawa Allah SWT yang mencipta Adam AS dari tanah dan menyuruh mereka membangunkannya (al-Zamakhshari, 1995). Ia mengandungi makna mewujudkan dan mengembangkan. Objek kata ini biasanya manusia dan binatang (Shihab, 2002). Suruhan ini seterusnya diperkukuhkan lagi dengan dialog Allah SWT dengan Adam AS, Hawa dan Iblis, firman Allah;

﴿قَالَ اهْبِطُوا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِي الْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَاعٌ إِلَىٰ حِينٍ ٢٤﴾ قَالَ فِيهَا تَحْيَوْنَ وَفِيهَا تَمُوتُونَ وَمِنْهَا تُخْرَجُونَ ٢٥﴾

Maksudnya;

*"Turunlah kamu semuanya, dengan keadaan setengah kamu menjadi musuh bagi setengahnya yang lain, dan bagi kamu disediakan tempat kediaman di bumi, dan juga diberi kesenangan hingga ke suatu ketika (mati)". "Di bumi itu kamu hidup dan situ juga kamu mati, dan daripadanya pula kamu akan dikeluarkan (dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat)".* Surah al-A'raf (7) : 24-25.

Pada peringkat kedua penciptaan, manusia diciptakan dari air benih. Allah SWT kemudiannya membentuk manusia dengan sempurna sebagai seorang manusia. Ini berlaku menerusi setiap proses kelahiran. Peringkat ini dinyatakan menerusi dialog seorang lelaki mukmin kepada sahabatnya yang kufur dengan nikmat yang dikurniakan Allah. Firman Allah;

أَكْفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّاهُ رَجُلًا ۚ ۳۷

Maksudnya:

"Adakah patut engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian ia membentuk-mu dengan sempurna sebagai seorang lelaki? Surah al-Kahf (18) :37.

Al-Razi merumuskan dalam tafsirnya berkaitan ciptaan manusia daripada tanah dengan berdasarkan kandungan makanan manusia. Beliau menyatakan setiap manusia adalah makhluk dari mani dan ia dari darah haid (*dam al-Tamth*). Mani terbentuk dari darah yang terhasil daripada pemakanan yang berasal daripada sumber haiwan atau tumbuh-tumbuhan. Kitaran kelahiran haiwan sama seperti manusia manakala tumbuh-tumbuhan juga terbentuk dari tanah dan air. Ini membuktikan semua manusia terbentuk dari tanah (al-Razi, 1420H). Dalam tempoh tersebut, proses tiupan roh berlaku. Namun begitu, manusia tiada ilmu pengetahuan yang memadai untuk menghuraikan hakikat sebenar roh kerana ia adalah daripada urusan Allah SWT. Kenyataan ini ditegaskan menerusi respon terhadap dialog yang berlaku di antara Rasulullah s.a.w dengan orang-orang Quraisy setelah diminta oleh orang-orang Yahudi. Firman Allah;

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ۝ ٨٥

Maksudnya:

Dan mereka bertanya kepada-mu tentang roh. Katakan: "Roh itu dari perkara urusan Tuhanku; Dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja". Surah al-Isra' (17) : 85.

### Sifat Kemanusiaan

Sifat yang maksudkan adalah merujuk kepada pembawaan, perangai, tabiat dan watak (Teuku Iskandar et al, 2007). Berikut adalah sifat-sifat manusia yang dapat dikenal pasti menerusi dialog dua hala dalam al-Qur'an.

#### a. Bermaruah

Maruah bermaksud kehormatan dan harga diri (Teuku Iskandar et al, 2007). Manusia secara fitrahnya memiliki maruah yang sentiasa dipelihara dan dijaga. Sifat ini dapat dilihat menerusi dialog Maryam ketika beliau terkejut dengan berita kurniaan zuriat kepadanya yang dibawa oleh malaikat yang diutus. Maryam dengan rasa terkejut, mempersoalkan bagaimana mungkin beliau beroleh zuriat sedangkan beliau seorang yang suci yang tidak sesekali pernah disentuh oleh mana-mana lelaki. Lagipun, beliau bukannya perempuan yang jahat dan tidak bermaruah. Maryam berkata, Firman Allah SWT;

قَالَتْ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِي بَشَرٌ وَلَمْ أَكُ بَغِيًّا ۝ ٢٠

Maksudnya;

Maryam bertanya (dengan cemas): Bagaimana aku akan beroleh seorang anak lelaki, padahal aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun, dan aku pula bukan perempuan jahat?" Surah Maryam (19) : 20.

Begitu juga sifat Nabi Lut AS. Baginda sebagai manusia yang dilantik oleh Allah sebagai seorang rasul meminta kepada kaumnya agar sekurang-kurangnya menghormati tetamu beliau walaupun mereka ingkar dengan suruhan dan dakwah baginda. Perbuatan mengganggu tetamu yang bertandang merupakan satu bentuk pencabulan maruah yang besar kerana tetamu berhak untuk dihormati. Menurut al-Maraghi, berita kedatangan tetamu tersebut sampai kepada kaumnya menerusi isteri baginda sendiri. Isteri baginda bersekongkol dan bersetuju dengan tindakan kaumnya. Tindakan sedemikian dilakukan bertujuan membolehkan melakukan hubungan jenis dengan lelaki tersebut (malaikat) seperti dilakukan kepada lelaki lain (al-Maraghi, 2001). Nabi Lut AS berdialog dengan kaumnya, Firman Allah;

قَالَ إِنَّ هَؤُلَاءِ صَٰئِقِي ۖ فَلَا تَقْضُحُونَ ۖ ٦٨ وَأَنْتُمْ أَلَّاءُ لِلَّهِ وَلَا تَخْزُونَ ۖ ٦٩

Maksudnya:

"Sesungguhnya mereka ini tetamuku, maka janganlah kamu memberi malu kepadaku". "Dan takutlah kamu kepada Allah serta janganlah kamu menghinakan daku". Surah al-Hijr (15) : 68-69.

Kata-kata Nabi Lut AS dalam dialog di atas bertujuan untuk membangkitkan dorongan agar kaumnya mengindahkan tata karma penghormatan terhadap tetamu. Penggunaan frasa *tafdahun* yang berasal daripada kata akar *fadaha* bermaksud membuka. Frasa *fadiah* memberi maksud terbuka dan tersebabnya sesuatu yang dinilai aib dan buruk sehingga memalukan dan mencemarkan nama baik yang bersangkutan (Shihab, 2002). Bahkan Nabi Lut AS merayu agar jangan sesekali menghina dirinya menerusi perbuatan melampau kaumnya itu.

#### b. Cenderung Kepada Kebenaran

Fitrah ini dapat dikenal pasti menerusi dialog para ahli sihir setelah tewas dengan mukjizat Nabi Musa AS. Mereka ahli sihir yang hebat lagi mahir, didatangkan khas oleh raja yang merasa hebat lagi bermegah iaitu Firaun. Mereka mengetahui kepalsuan sihir berdasarkan keahlian, pengetahuan dan nalar mereka. Ahli-ahli sihir tersebut merasa yakin kebenaran yang didatangkan oleh Nabi Musa AS kerana manusia biasa tidak mungkin melakukannya walau setinggi mana ilmunya. Ini menyebabkan ahli-ahli sihir tersebut akur dan cenderung

kepada kebenaran yang mereka saksikan. Mereka dengan tegas dan berani menyatakan pendirian mereka di hadapan Firaun menerusi dialog berikut, firman Allah;

قَالُوا لَنْ نُؤْتِرَكَ عَلَىٰ مَا جَاءَنَا مِنَ الْبَيْتِ وَالَّذِي فَطَرْنَا فَاقْضِ مَا أَنْتَ قَاضٍ إِنَّمَا تَقْضِي هَذِهِ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ٧٢

Maksudnya:

Mereka berkata: "Kami tidak sekali-kali akan mengutamakan-mu daripada apa yang telah datang kepada kami dari mukjizat-mukjizat yang terang nyata, dan (tidak akan mengutamakan-mu daripada) Tuhan yang telah menjadikan kita semua. Oleh itu, hukumlah apa sahaja yang engkau hendak hukumlah, kerana sesungguhnya engkau hanyalah dapat menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja. Surah Taha (20) : 72.

Manusia secara tabii cenderung kepada kebenaran. Sayyid Qutb menyatakan bahawa kata-kata ahli sihir tersebut merupakan kesan sentuhan keimanan yang menepati pusat perasaan daripada sumber yang menggerunkan, yang beransur menjadi kuat. Ia menjadikan semua perkara di bumi menjadi beransur lemah, dan semua kehidupan padanya menjadi tidak bernilai. Terbantang pada hati-hati mereka ufuk yang bergemerlapan lagi bercahaya yang menjadikan pesona bumi yang terbentang hilang nilainya, juga kepada kehidupannya yang dipenuhi dengan keseronokan yang sedikit (Sayyid Qutb, 1992). Shihab pula menyatakan benih keimanan pada hakikatnya telah lama tersemam dalam kalbu mereka (Shihab, 2002). Iman yang benar menjadikan seseorang itu akan cenderung kepada kebenaran walau apa pun yang cuba untuk menduga. Ini menunjukkan manusia hakikatnya inginkan kebenaran dan cenderung untuk berpegang dengannya.

### c. Cintakan Keturunan

Menerusi dialog dua hala dalam al-Qur'an, kasih sayang terhadap keluarga atau keturunan berlangsung menerusi tiga aspek. Aspek pertama kasih anak kepada bapa, aspek kedua ialah kasih bapa kepada anak manakala aspek ketiga pula ialah kasih sesama saudara. Aspek pertama iaitu kasih bapa kepada anak berlaku menerusi dialog Nabi Ibrahim AS dengan anaknya Ismail AS. Kasih ini juga terpapar menerusi doa Nabi Ibrahim AS kepada Allah agar dijadikan pemimpin dari keturunannya dan doa agar dikurniakan rezeki yang melimpah ruah. Sebagai contoh terhadap dialog kasih sayang tersebut adalah dialog Nabi Ibrahim AS ketika mendapat mimpi agar menyembelih anaknya Ismail AS. Firman Allah;

يٰٓأَيُّهَا إِنِّيٰ أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّيٰ أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَىٰ

Maksudnya:

"Wahai anak kesayanganku!, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelih-mu; Maka fikirkanlah apa pendapat-mu?". Surah al-Saffat (37) : 102

Mimpi para Nabi adalah wahyu. Setelah nabi Ibrahim mendapat wahyu agar menyembelih anaknya Ismail, baginda Nabi Ibrahim AS memanggil mesra anaknya 'wahai anakku' dan menceritakan mimpi yang dilihatnya sebagai perintah Allah SWT yang benar. Panggilan sebegini tumbuh dari rasa kasih sayang seorang bapa kepada anaknya. Walaupun Nabi Ibrahim AS tahu bahawa perintah Allah itu adalah wajib, namun Nabi Ibrahim AS sesekali tidak menggunakan kedudukan sebagai bapa dan nabi untuk melaksanakannya secara paksaan. Tambahan pula, latar sejarah iaitu kesukaran mendapat anak dan isteri yang mandul yang dialami Nabi Ibrahim AS.

Ibn. 'Ashur menyatakan bahawa perintah penyembelihan anak merupakan satu ujian dan menyerlahkan keazaman Nabi Ibrahim AS dan membuktikan ketinggian martabatnya dalam mentaati Tuhannya. Sesungguhnya anak merupakan kebanggaan seorang bapa. Anak yang tunggal tersebut merupakan harapan yang amat tinggi seorang bapa untuk masa depannya tidak dapat tidak. Nabi Ibrahim AS telah meminta seorang anak untuk mewarisinya dan bukan sanak saudara yang lain. Setelah Allah mengabulkan permintaannya, dan si anak mula membesar dan mula mampu berusaha, maka diperintahkan pula agar menyembelihnya. Ini akan mengakhiri keturunannya dan memusnahkan harapannya serta menyalahi nilai kemanusiaan. Nabi Ibrahim AS kemudiannya melaksanakan suruhan sembelihan tersebut dengan tangannya terhadap orang yang paling dikasihi. Ini merupakan sebesar-besar ujian (Ibn. 'Asyur, 1984).

Kasih sayang yang dimiliki membawa kepada seorang bapa mendoakan anak dan keturunannya moga dipilih menjadi pemimpin dan dikurniakan rezeki yang melimpah ruah. Ini dinyatakan menerusi dialog Nabi Ibrahim AS dengan Allah SWT menerusi dua ayat di bawah. Firman Allah;

قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ١٢٤

Maksudnya:

Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku melantik-mu menjadi imam bagi umat manusia". Nabi Ibrahim AS memohon dengan berkata: "(Ya Tuhanku!) jadikanlah juga dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)". Allah berfirman: "(Permohonan-mu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim." Surah al-Baqarah (2) : 124.

Firman Allah;

رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ١٢٦

Maksudnya:

"Wahai Tuhanku! jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai-bagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Surah al-Baqarah (2) : 126

Aspek kedua iaitu kasih seorang anak kepada bapanya. Ini dapat dilihat menerusi dialog Nabi Ibrahim AS ketika berhadapan dengan keengganan bapanya untuk mengabdikan diri kepada Allah. Baginda kemudiannya memohon kepada Allah agar diberikan keampunan kepada bapanya. Nabi Ibrahim AS berkata, firman Allah;

قَالَ سَلِّمْ عَلَيْكَ سَأَسْتَغْفِرُ لَكَ رَبِّي إِنَّهُ كَانَ بِي حَفِيًّا ٤٧

Maksudnya;

Ibrahim berkata; "Selamat tinggal ayah; Aku akan memohon kepada Tuhanku mengampuni dosa-mu; Sesungguhnya Ia sentiasa melimpahkan kemurahan ihsanNya kepadaku. Surah Maryam (19) : 47.

Dialog di atas menunjukkan betapa halus dan sopan ucapan Nabi Ibrahim AS kepada orang tuanya (Shihab, 2002). Walaupun menerima ancaman daripada bapa sendiri, baginda masih menjawab dengan mengucapkan salam perpisahan. Dia tidak membantah atau mengherdik, bahkan beristighfar meminta ampun dan memohon hidayah kepada Allah kerana sesungguhnya Dia Tuhan yang melimpah ihsanNya. Demikian rasa kasih dan sayang seorang anak yang diperlakukan kepada bapanya.

Aspek ketiga iaitu kasih sesama saudara dilihat menerusi dialog Nabi Yusuf AS. Firman Allah

قَالَ أَتُونِي بِأَخٍ لَكُمْ مِّنْ أَيْبَتِكُمْ أَلا تَرَوْنَ أَنِّي أَوْفِي الْكَيْلِ وَأَنَا خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ ٥٩

Maksudnya:

"Yusuf berkata, bawalah kepadaku saudara kamu yang sebapa. Tidakkah kamu melihat, bahawa aku menyempurnakan bekalan makanan kamu, dan bahawa aku sebaik-baik penerima tetamu? Surah Yusuf (12) : 59.

Hakikatnya latar belakang hubungan kekeluargaan yang terbina sesama mereka penuh dengan hasad dengki dan khianat sehingga membawa kesan mendalam pada jiwa Nabi Yusuf AS. Namun begitu baginda tidak menjadikan semua itu sebagai alasan untuk bertindak balas walaupun ketika itu baginda bukan Yusuf yang dahulu, tapi seorang gabenor yang menjaga pengurusan khazanah sebuah negara ketika dilanda kemarau. Ini merupakan gambaran kasih sayang seorang saudara kepada saudara yang lain khasnya saudaranya Bunyamin yang tinggal untuk menemani bapanya Nabi Yaakub AS.

#### d. Kekeluargaan

Berdasarkan dialog dua hala dalam al-Qur'an, terdapat garis pemisah yang jelas dalam memahami hakikat hubungan kekeluargaan. Amal yang soleh dan kesetiaan kepada yang benar mempunyai kaitan dengan status hubungan kekeluargaan. Ini berlaku menerusi dialog Allah SWT kepada Nabi Nuh AS. Firman Allah;

قَالَ يُنوحُ إِنَّهُ لَيْسَ مِنْ أَهْلِكَ إِنَّهُ عَمَلٌ غَيْرُ صَالِحٍ فَلَا تَسْأَلْنِ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنِّي أَعْطِكُ مَنْ تَكُونُ مِنَ الْجَاهِلِينَ ٤٦

Maksudnya:

"Allah berfirman; Wahai Nuh! sesungguhnya anak-mu itu bukanlah dari keluarga-mu (kerana ia telah terputus hubungan dengan-mu disebabkan kekufurannya); Sesungguhnya bawaannya bukanlah amal yang soleh, maka janganlah engkau memohon kepadaKu sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sebenarnya Aku melarang-mu dari menjadi orang yang jahil". Surah Hud (11) : 46

Nabi Nuh AS menyeru kepada amalan yang soleh, sebagai hasil daripada akidah yang benar, iaitu akidah tauhid. Tetapi puteranya sendiri tidak menuruti garis yang digariskan ayahnya itu. Dengan demikian tentu hubungan batin telah putus, meskipun hubungan darah masih ada (Abdul Malik, 2007). al-Baydawi berkata hubungan antara mukmin dan kafir terputus disebabkan amalannya yang tidak soleh (al-Baidhawi, 1418H). Begitu juga isteri yang hidup di samping seorang suami. Kekufuran dan kedegilan menyebabkan mereka terpisah dari seorang suami dan terdedah kepada azab Allah sebagaimana yang disebut oleh malaikat dalam dialognya ketika datang menemui Nabi Ibrahim AS. Malaikat berkata, firman Allah;

إِلَّا ءَالَ لُوطٍ إِنَّا لَمُنَجُّوهُمْ أَجْمَعِينَ ٥٩ إِلَّا أَمْرًا أَنَّهُ قَدَرْنَا لَهَا لِمَنِ الْغَيْبِينَ ٦٠

Maksudnya:

"Melainkan keluarga Nabi Lut; Sesungguhnya kami akan menyelamatkan mereka semuanya. "Kecuali isterinya; kami telah tentukan. Sesungguhnya ia dari orang-orang yang tinggal (menerima kebinasaan)". Surah al-Hijr (15) : 59-60

#### e. Saling Memerlukan

Manusia perlukan kepada sumber bagi meneruskan kelangsungan hidup. Mereka saling memerlukan antara satu sama lain kerana mereka saling melengkapkan keperluan harian. Ini dapat dikenalpasti menerusi peristiwa pemuda al-Kahf yang telah melarikan diri dari bandar bagi menyelamatkan diri dan iman daripada kezaliman pemerintah. Mereka keluar dari kota dan menuju ke gua al-Kahf sebagai tempat perlindungan dan persembunyian. Pengasingan terpuji yang berlaku ini tidak bermakna mereka terlepas dari mendapatkan sumber keperluan

hariannya makanan. Menerusi dialog mereka, salah seorang mencadangkan dan kemudiannya dipersetujui agar seorang dari mereka ke bandar untuk mendapatkan sumber makanan. Mereka berkata, firman Allah;

قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِنْهُ

Maksudnya:

Mereka berkata: "Tuhan kamu lebih mengetahui tentang lamanya kamu tidur; Sekarang utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; Kemudian biarlah dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); Kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya. Surah al-Kahf (18) : 19

Mereka bangun daripada tidur mereka yang panjang dalam keadaan lapar. al-Qurtubi mengutip kata-kata al-Ghaznawi yang menyatakan bahawa pemuda al-Kahf bangun dalam keadaan lapar, dikejutkan oleh Yamlikha, orang yang paling muda dari kalangan mereka. Nama bandar tersebut pada zaman jahiliah adalah Upsus, manakala pada zaman Islam disebut Tarsus. Ibn. 'Abbas menyatakan pada wang mereka terukir gambar raja pada zaman mereka (al-Qurtubi, 1993). Pemuda-pemuda tersebut berbincang dan seterusnya membuat keputusan untuk mencari keperluan mereka iaitu keperluan kepada makanan dan minuman (al-Zuhayli, 1991). Dalam waktu yang sama juga, kejadian ini juga membuktikan bahawa manusia tidak merasa lapar dan dahaga ketika tidur walaupun mereka tidur dalam tempoh bertahun lamanya.

### Implikasi Kajian

Hasil analisis yang dikemukakan di atas merupakan satu dimensi baru berkaitan manusia yang dilihat dari perspektif ayat-ayat dialog al-Qur'an. Ia merupakan salah satu kajian berbentuk tematik dengan bersandarkan kepada bentuk gaya bahasa dialog yang terdapat dalam al-Qur'an. Hasil analisis yang dibincangkan merupakan dapatan penting dalam memahami kemanusiaan manusia. Ini kerana dialog merupakan proses interaksi antara dua pihak bagi tujuan perkongsian pengetahuan tentang sesuatu. Ia merupakan cara untuk meneroka dan menganalisis deniyut pemikiran seseorang. Dalam waktu yang sama, dialog juga bertindak sebagai satu bentuk penyelidikan dan pemahaman menerusi interaksi langsung antara dua pihak. Proses ini merupakan keupayaan yang hebat untuk memahami fungsi sesuatu pemikiran. Ia dilihat sebagai satu instrumen yang penting dalam penyatuan pemikiran, budaya, masyarakat, ekonomi yang menjadi teras kepada kehidupan masyarakat moden.

Segala usaha untuk membentuk sesebuah masyarakat itu semestinya berdasarkan kepada hakikat manusia ataupun erti kemanusiaan yang dipercayai oleh pengasas pembentukan masyarakat itu. Hasil analisis yang dikemukakan merupakan sebahagian jawapan kepada hakikat kemanusiaan. Ia berperanan dalam mencorak agenda pendidikan sesebuah negara ataupun dijadikan sebagai asas kepada usaha-usaha untuk menentukan berjaya atau gagalanya seseorang manusia. Ini kerana tema tumpuan dalam sebuah dialog merupakan sesuatu yang sangat penting dan dekat dengan fitrah kemanusiaan.

### 5.0 KESIMPULAN

Struktur makro merupakan makna global bagi sebuah wacana. al-Qur'an sebagai wahyu ilahi mempunyai makna global yang boleh disimpulkan bagi memberikan maksud yang perlu dihayati ketika ia dibacakan. Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, kejadian manusia yang dapat diperolehi dari ayat-ayat dialog al-Qur'an perlulah diselidiki dari dua sisi utama iaitu sisi asal kejadian dan sisi sifat kemanusiaan yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Sifat-sifat kemanusiaan yang dapat disimpulkan adalah manusia merupakan ciptaan yang mementingkan penjagaan maruah, cenderung kepada kebenaran, cintakan keturunan, mementingkan hubungan kekeluargaan dan mempunyai kehidupan yang saling memerlukan antara satu sama lain. Ini menunjukkan bahawa manusia yang diciptakan mempunyai fitrah asas yang perlu diberikan perhatian agar setiap pendekatan yang digunakan dalam semua lapangan kehidupan dibina dengan mengambilkira sepenuhnya fitrah tersebut.

### Rujukan

- Abdul Latif Samian (2005), *Satu Ulasan Tentang Definisi Manusia*, Jurnal Pengajian Umum Bil. 6, 2005.
- Attas, Syed Muhammad Naquib al- (2001), *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Atrash, Mahmud Ahmad al- (2008), *al-Wihdah al-Mawdu'iyah fi al-Qur'an al-Karim wa al-Surah al-Qur'aniyyah*, Iskandariyyah: Dar al-Qimamah.
- Baydawi, 'Abdullah bin 'Umar al- (1418H), *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Muhammad bin Abd. Rahman (ed), Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Bukhari, Muhammad bin Isma'il al- (1422H), *Sahih al-Bukhari*, Muhammad Fu'ad Abd. al-Baqi (ed), Beirut: Dar Tuq al-Najat.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi *et al.* (2017), *Isu-Isu Genetik Manusia Dari Perspektif Sains & Islam*, GJAT, 7(2), 163-174
- Ghazali, Muhammad bin Muhammad al- (2005), *Ihya' Ulum al-Din*, Dar Ibn Hazm : Beirut.
- Abdul Malik Abdul Karim (2007), *Tafsir Al-Azhar*, c. 7. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir bin Muhammad (1984), *al-Tahrir wa al-Tanwir*, Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah.
- Kumi, Ahmad al-Sayyid al- *et al.* (1982), *al-Tafsir al-Mawdu'i*, Kaherah: T.P.
- Langgulong, Hasan. 1985. *Pendidikan dan Peradaban Islam Suatu Analisa Sosio Psikologi*, Jakarta: PT Maha Grafindo.
- Maraghi, Ahmad Mustafa al-(2001), *Tafsir al-Maraghi*, Muhammad Thalib (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim bin al-Hajjaj (2013), *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar*, Muhammad Fu'ad 'Abd. al-Baqi (ed), Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Qurrotul Aien Bt Fatah Yasin (2012), *Wudhu' Dalam Al-Quran Serta Mukjizatnya Ke Atas Rohani Dan Jasmani Manusia*, Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012, Centre of Quranic Research (CQR).
- Razi, Muhammad bin 'Umar Fakhr al-Din al-(1994), *Tafsir al-Fakhr al-Razi*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Saryono, (2016), *Konsep Fitrah dalam Perspektif, Islam Medina-Te*, Jurnal Studi Islam, 14(2), 161-174.

Sayyid Qutb (1994), *Fi Zilal al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Shuruq.

Shihab, M. Quraish (2002), *Tafsir al-Misbah, Pesan, Kesan dan Keserasian al-Qur'an*, Jakarta: Lantera Hati.

Shihab, M. Quraish *et al.* (2007), *Ensiklopedia al-Quran Kajian Kosakata*, Jakarta: Lantera Hati.

Siti Suwaibatul Aslamiyah (2014), Pandangan Islam Tentang Proses Kejadian Manusia Dan Implikasinya Terhadap Pendidikan, *Akademika*, 8(1), 56-70.

Syed Arabi Aidid (2002), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teuku Iskandar *et al.* (2007), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Noresah, Baharom (eds), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Van Dijk, 1998 (1998), Opinion and Ideologies in the Press dalam Allan Bell dan Peter Garrett (ed.), *Approaches to Media Discourse*, Oxford: Blackwell Publishers.

Zamakhshari, Mahmud bin 'Umar al- (1995), *al-Kashshaf*, Muhammad Abd. al-Salam Shahin (ed), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Zuhayli, Wahbah al- (1991), *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.